

Budaya pengaruhi konsep rumah berbilang generasi

Oleh Sr Sulaiman Saheh



Pengarah
Penyelidikan
Hartanah Rahim &
Co International
Sdn Bhd

Dalam kitaran hidup sesebuah keluarga, bilangan ahli sesebuah isi rumah lazimnya bermula dengan dua insan yang akan bertambah dengan bilangan anak-anak atau orang tua dan kemudiannya mengecil kembali.

Ia bermula daripada awal mendirikan rumah tangga, kepada lahirnya anak-anak yang memeriahkan suasana hingga mereka tamat belajar untuk memulakan kerjaya dan menjalani kehidupannya sendiri.

Kebiasaannya waktu ini jumlah bilangan isi rumah mengecil kembali apabila anak-anak mendirikan rumah tangga mereka sendiri atau berhijrah untuk mencari rezeki.

Namun dengan peredaran masa, realiti kos sara hidup yang semakin meningkat saban tahun dan masa berkualiti keluarga ditenggelami komitmen kerjaya, konsep rumah berbilang generasi telah bercambah sebagai suatu alternatif atau penyelesaian untuk kehidupan bandar masa kini.

Ramai belia, dalam kalangan warga

bandar terutamanya, yang memilih untuk hidup bersama dengan keluarga asal mereka sekali gus secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kos sara hidup.

Malah, dengan kekangan untuk mendapatkan pembantu rumah atau pengasuh dewasa ini, ada yang bergantung kepada ibu bapa untuk menjaga anak-anak mereka sepulangnya dari sekolah.

Dapat dilihat sejak beberapa tahun lalu, banyak pemaju yang membina saiz rumah lebih kecil supaya dapat menawarkan unit-unit perumahan yang membolehkan ruang dalaman yang kondusif.

Namun, dengan dilema jurang pendapatan berbanding kos pemilikan rumah di samping kos sara hidup, ramai yang masih berusaha untuk membeli rumah idaman mereka.

Ini menjuruskan pihak pemaju untuk menawarkan unit-unit perumahan yang direka untuk menempatkan beberapa keluarga di bawah satu bumbung.

Reka bentuk

Kemudahan dan perancangan ruang dalaman digubah dari segi reka bentuk untuk menyediakan sebuah rumah yang bersesuaian untuk berbi-

lang generasi.

Ini membolehkan unit-unit keluarga mikro di dalam sesebuah isi rumah yang sama untuk berkongsi kos sara hidup sambil masih menikmati ruang dalaman yang kondusif.

Walau bagaimanapun dalam konteks rakyat Malaysia, adakah rumah berbilang generasi sesuai dengan gaya hidup kita? Adakah ia akan menjadi kebiasaan, atau adakah ia akan pudar sebagai produk khusus untuk segerinti rakyat?

Walaupun idea untuk kedua ibu bapa dan anak-anak tinggal di bawah bumbung yang sama menarik, namun kemudahan dan susun atur ruang yang diramalkan tidak semestinya akan kekal relevan selama-lamanya.

Harapannya adalah untuk struktur dan susun atur ruang dalaman yang membolehkan pengubahsuaian oleh penghuni isi rumah apabila tiba masanya nanti.

Bermula dengan faktor positif dahulu, salah satu kelebihan utama untuk tinggal di rumah berbilang generasi adalah kos sara hidup yang lebih rendah dengan cara berkongsi perbelanjaan isi rumah harian.

Dari segi pembayaran gadai janji, mempunyai lebih ramai orang dewasa yang boleh menyumbang kepada pinjaman bayaran balik bulanan dan meringankan beban kewangan semua.

Perbelanjaan harian seperti bil utiliti seperti elektrik, perbelanjaan runcit, kos penyelenggaraan dan perjalanan ulang-alik juga boleh dikurangkan dengan cara yang menjimatkan.

Bagi pihak keluarga, lebih banyak masa ikatan dan pemantauan yang lebih baik bagi mereka yang memerlukan penjagaan sepanjang masa dapat dicapai.

Datuk dan nenek memantau anak-anak semasa ibu bapa bekerja sebagai ganti pengasuh atau pusat jagaan kanak-kanak yang diupah membantu bukan sahaja memastikan anak-anak sentiasa bersama yang dipercayai, ibu bapa juga dapat menjimat kos untuk kos membesar anak yang sering kali dikatakan amat tinggi pada masa kini.

Ada juga yang berpendapat bahawa semasa musim perayaan, seisi keluarga juga dapat mengelak dari pada mengharungi perjalanan jauh dan sering kali sesak balik melawat saudara-mara atau orang tua kerana mereka semua sudah tinggal di rumah yang sama.

Namun dari segi kekangan pula, satu faktor utama yang akan terlintas di fikiran ialah ketirisan privasi.

Melainkan jika rumah terbabit amatlah besar dan mempunyai sudut-sudut kediaman berasingan bagi setiap generasi keluarga, anda akan bertemu satu sama sendiri setiap hari dan kemungkinan berasa tidak selesa.

Ini boleh dialami oleh ahli keluarga

yang lebih suka suasana yang lebih sunyi dan aman tetapi akhirnya terganggu oleh kesibukan ahli keluarga lain yang berkeliaran di sekitar rumah.

Gangguan boleh datang dengan mudah dan jadual peribadi mungkin terjejas untuk menampung ahli keluarga yang lain.

Walaupun berkongsi kerja rumah adalah unsur positif, sisi negatifnya ialah jumlah kerja rumah boleh bertambah dua atau tiga kali ganda bergantung pada bilangan ahli keluarga yang tinggal di rumah.

Malah, dengan kemudahan dan barangani isi rumah yang lebih kerap digunakan, penyelenggaraan dan penggantian yang lebih tinggi mungkin diperlukan apabila barang dan perkakasan lusuh dengan lebih cepat.

Hiasan perlu sesuai

Hiasan dalaman dan perabot juga perlu sesuai bagi golongan kanak-kanak dan warga emas yang membatkan penggunaan alat bantu mobiliti di beberapa ruangan rumah.

Di samping itu, terdapat juga faktor muktamad iaitu setiap unit keluarga mempunyai kawasan kediaman pilihan mereka tersendiri yang mungkin tidak semestinya sama ataupun berdekatan.

Keutamaan lokasi boleh dipengaruhi oleh persekitaran sekitar, jarak perjalanan dengan tempat kerja, pilihan sekolah dan akses kepada kemudahan serta perkedai. Malahan jenis rumah juga boleh menjadi titik perbalahan yang membuat hidup secara berasingan akan menjadi lebih praktikal.

Secara amnya, konsep kehidupan berbilang generasi sangat bergantung pada amalan budaya tempatan dan dinamik rumah tangga yang tipikal.

Bagi Malaysia, walaupun konsep ini sesuai untuk keluarga yang menikmati suasana rumah yang lebih meriah, mereka yang ingin mencari kesunyian dan mengikut rutin harian peribadi mereka sendiri akan menghadapi masa yang lebih sukar daripada menghadapi penghuni yang juga ahli keluarga tersendiri.

Namun, konsep rumah berbilang generasi ini lebih menyasarkan kepada permintaan bagi tempoh-tempoh tertentu di dalam kitaran hidup sesebuah keluarga.

Bagi golongan yang mahukan lebih ruang namun tidak berasingan dan tidak berhasrat untuk meninggalkan keluarga asal kerana faedahnya yang tersendiri.

Ada juga yang mengambil peluang untuk menyewakan ruang tidak digunakan untuk mendapat pendapatan sampingan sementara keperluannya muncul.



Hiasan dalaman dan perabot perlu sesuai bagi semua golongan.